

KAEDAH PENGAJARAN ABSTRAK DAN KONKRIT DALAM MENINGKATKAN PRA LITERASI

ABSTRACT AND CONCRETE TEACHING METHODS IN IMPROVING PRE-LITERACY

Aisyah Ali¹

Faculty Education,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia
(Email: geremalii@gmail.com)

Faridah Yunus²

Faculty Education,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia
(Email: faridahyunus@ukm.edu.my)

Accepted date: 20-04-2019

Published date: 08-07-2019

To cite this document: Ali, A., & Yunus, F. (2019). Kaedah Pengajaran Abstrak dan Konkrit dalam Meningkatkan Pra Literasi. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(31), 284-295.

DOI: 10.35631/IJEPC.4310025

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran kanak-kanak prasekolah untuk mengenal nama huruf dan menyebut suku kata dengan menggunakan huruf konkrit. Seterusnya kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti masalah membaca dengan menggunakan huruf dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Kajian ini turut mengenalpasti kesukaran dalam pembacaan suku kata. Selain itu penyelidik merancang tindakan yang dapat digunakan untuk mengenalpasti masalah pembacaan. Kajian ini berbentuk kajian tindakan. Populasi kajian ini adalah melibatkan seramai 7 orang kanak-kanak Tadika Keluarga Harmoni dan Indah berumur 6 tahun. Semua kanak-kanak di dalam kajian ini adalah kanak-kanak normal dan boleh memahami Bahasa Melayu. Instrumen yang digunakan adalah ujian pemerhatian dan senarai semak. Ujian terbahagi kepada dua iaitu ujian pra dan ujian pos mengenal dan menyebut huruf serta suku kata. Dapatan dari kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa penggunaan Teknik huruf konkrit dapat meningkatkan penguasaan kanak-kanak terhadap literasi kanak-kanak terutamanya pemahaman bacaan huruf dan suku kata. Pencapaian kanak-kanak dalam kedua-dua ujian yang telah dilaksanakan mendapat keputusan yang baik dan memuaskan. Hasil kajian juga mendapati bahawa Teknik huruf konkrit ini dapat membantu kanak-kanak memahami apa yang dibaca oleh mereka dan sekaligus dapat menambah perbendaharaan kata mereka. Peranan sekolah dalam menyediakan bahan bantu mengajar sangat diperlukan bagi meningkatkan pelaksanaan kaedah ini di prasekolah.

Kata Kunci: Suku Kata, Literasi, Konkrit

Abstract: *The study aims to improve the skills of preschool children to identify the letters and to pronounce syllables using concrete letters. Furthermore, this study also aims to identify the problem of reading using letters in preschool children and identifies difficulties in reading syllable. This study is an action research. The population of this study involved a total of 7 children from Tadika Keluarga Harmoni dan Indah aged 6 years old. All children in this study are normal children and can understand the Malay language. Instruments used are tests, observations and checklists. Pre-test and post-test to identify and pronounce letters and syllables. The findings of the study have shown that the use of concrete letter techniques can increase the mastery of children towards literacy, especially the understanding of literacy and reading the syllabus. The achievement of both children in both tests has been well received and satisfactory. The findings also found that these concrete letters techniques can help children to understand what they read and at the same time improve their vocabulary. The role of the school in providing teaching aids is needed to improve the implementation of this method in preschool.*

Keywords: *Syllable, Literacy, Concrete*

Pengenalan

Perkembangan awal kanak-kanak di galakkan untuk melalui proses perkembangan sebenar bersesuaian dengan tahap perkembangan dan pengajaran budaya yang relevan berdasarkan prinsip-prinsip konstruktivis yang meminta kanak-kanak untuk bergerak lebih daripada duduk diam, untuk berbicara lebih dari mendengar, untuk mengajukan pertanyaan lebih daripada memberikan jawapan (Evans, K. 2001). Kemahiran ini akan mengajar mereka untuk lebih berdikari melalui bahasa, dan budaya sekolah dan menyumbang dalam kurikulum unik untuk kelompok kelas mereka. Kemahiran daripada pembelajaran dunia sebenar ini mampu membantu perkembangan kognitif kanak-kanak amnya dan dalam pra literasi mereka khususnya.

Kanak-kanak di dedahkan dengan pra literasi pada awal kelahiran mereka. Apabila mereka meningkat umur bermula pada umur 3 tahun literasi sebenar di ajar dan kemahiran sosial akan berkembang. Kanak-kanak akan belajar literasi formal di sekolah mahupun di taman asuhan. Walaubagaimanapun, perkembangan menyeluruh kanak-kanak tidak pada setiap kanak-kanak. Pencapaian perkembangan adalah berbeza bagi setiap kanak-kanak. Terdapat kanak-kanak yang tidak mahu terlibat atau tidak aktif dalam perkembangan diri mereka. Reaksi yang ditampikan anak tersebut diantaranya; menangis dengan alasan takut, diam saja, memisahkan diri dari kelompok, dan beberapa diantaranya melakukan kegiatan sendiri sesuai dengan apa yang senangnya. Faktor-faktor ini menyebabkan prestasi kemahiran pra literasi kanak-kanak menjadi sukar. Menghadapi keadaan yang demikian, para guru seharusnya boleh merancang keperluan kanak-kanak iaitu dengan mencuba untuk menyusun kaedah mengajar yang menarik yang boleh membangkitkan minat kanak-kanak untuk berkembang seperti kanak-kanak lain.

Pernyataan Masalah

Literasi awal kanak-kanak merupakan asas kepada pengetahuan yang perlu di pelajari oleh setiap kanak-kanak. Kanak-kanak yang mengamalkan akademik yang baik akan mendapat pengetahuan yang baik. Akademik di Malaysia masih mempunyai kekurangan daripada amalan dan teknik yang di praktikkan. Melalui KSPK kanak-kanak masih dipengaruhi dengan waktu pembelajaran yang berjadual dan berfokus kepada orientasi akademik yang diamalkan di sekolah formal. Hal ini dapat mempengaruhi pelaksanaan pengajaran dan

pembelajaran di prasekolah. Dari segi realiti kurikulum pendidikan prasekolah pada hari ini, ia lebih banyak memberi tumpuan kepada pendidikan berbentuk formal yang menekankan kepada pencapaian kanak-kanak prasekolah (Fazidah 2006).

Menurut Yahya (2004), guru perlu mempelbagaikan teknik pengajaran membaca agar dapat menjadikan pengajaran lebih mempunyai variasi, menarik serta dapat menimbulkan minat murid untuk belajar. Namun kajian oleh Resnick (2007) telah melaporkan ketiadaan unsur keseronokan dalam proses pembelajaran membaca pada peringkat awal kanak-kanak yang mengakibatkan berlakunya masalah penguasaan kemahiran praliterasi. Selain itu, masyarakat hanya memberi keutamaan kepada latih tubi menggunakan kertas, ujian atas kertas, gred dan kaedah pengajaran abstrak dalam pengajaran dan pembelajaran praliterasi (Mahzan Arshad 2013).

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pembelajaran formal yang berfokuskan akademik masih digunakan sebagai mod pengajaran utama dalam banyak program awal kanak-kanak di seluruh negara (Ali et al 2011; Ali & Mahamod 2015). Hal ini menjadikan kaedah pengajaran yang berasaskan bermain jarang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran praliterasi (Chen & Chong 2014). Ng & Yeo (2014) mendapati ramai kanak-kanak tercicir dalam penguasaan kemahiran praliterasi disebabkan minat mereka yang kurang terhadap pengajaran dan pembelajaran. Intervensi khusus perlu diberikan kepada kanak-kanak yang tercicir. Beberapa kajian terhadap intervensi praliterasi telah dilaksanakan, namun tidak memfokuskan terhadap kaedah pengajaran konkrit sebagaimana yang dicadangkan dalam kajian ini (Abu Bakar 2009; Abu Bakar et al 2015; Majzub 2013; Puteh Ali 2013). Berdasarkan justifikasi masalah-masalah yang telah dinyatakan diatas, penyelidik menjalankan kajian ini bagi meninjau keberkesanan kaedah pengajaran berasaskan konkrit dalam pengajaran dan pembelajaran praliterasi.

Kajian Literatur

Pendidikan Prasekolah di Malaysia

Pendidikan prasekolah adalah pendidikan asas yang penting dan merupakan pendidikan awal dalam perkembangan hidup seseorang individu selepas pendidikan di rumah. Menurut Awang Had Salleh (1980), pendidikan prasekolah merupakan satu pendidikan yang informal tetapi diinstitusikan dan bertujuan untuk memberikan kanak-kanak pendidikan yang relevan dengan umur mereka. Kanak-kanak mempunyai pelbagai potensi diri yang mesti dikembangkan ke tahap yang maksimum. Perkembangan fizikal, emosi, sosial, kreatif dan kognitif mereka harus dititikberatkan. Oleh itu, pendidikan prasekolah hendaklah memberi peluang kepada mereka bagi memperoleh segala kemahiran yang perlu untuk mereka berkembang dan mencapai tahap kecemerlangan yang diharapkan.

Alison Clarke-Steward, K (2000) menyatakan bahawa kanak-kanak yang dihantar ke pusat nurseri dan prasekolah adalah lebih mudah bergaul dan mempunyai daya intelektual yang lebih tinggi berbanding dengan kanak-kanak yang dijaga sendiri oleh ibu atau penjaga mereka. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa prasekolah berperanan membantu kanak-kanak menjalani sesi persekolahan akan datang dengan lebih yakin dan bersedia.

Mohd Salleh Lebar (2002) menyatakan fungsi utama pendidikan ialah untuk mensosialisasikan kanak-kanak dengan peraturan atau norma-norma masyarakat. Kanak-kanak yang telah melalui sesi prasekolah biasanya tidak mempunyai masalah tentang penyesuaian diri sewaktu melangkah ke alam persekolahan. Mereka mempunyai tahap

penyesuaian diri yang berbeza berbanding dengan kanak-kanak yang tidak pernah di hantar ke prasekolah. Kanak-kanak ini boleh menempatkan diri dalam masyarakat dengan cepat di samping mempunyai tahap keyakinan diri yang lebih tinggi untuk bergaul dengan orang lain.

Pendidikan prasekolah perlu mendedahkan suasana pembelajaran awal kepada kanak-kanak sebelum mereka memasuki sekolah rendah. Walaupun pendidikan prasekolah tidak dapat menentukan kebolehan dan kejayaan seseorang kanak-kanak secara mutlak, namun suasana pembelajaran pada peringkat ini dapat menimbulkan minat dan keinginan yang tinggi kepada mereka untuk ke sekolah pada masa depan.

Matlamat pendidikan awal kanak-kanak bertujuan untuk memenuhi hak dan keperluan kanak-kanak. Hak kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan. Trend perkembangan pendidikan awal kanak-kanak menyedarkan kepada kita bahawa perubahan sering berlaku mengikut kehendak semasa untuk memberi kesan yang positif. Di peringkat prasekolah, tumpuan pendidikan ialah kepada kesediaan kanak-kanak dalam aspek tunjang komunikasi, tunjang kerohanian, sikap dan nilai, tunjang kemanusiaan, tunjang keterampilan diri, tunjang perkembangan fizikal dan estetika serta tunjang sains dan teknologi (Dokumen Standard Kurikulum Prasekolah, 2010).

Kementerian Pelajaran Malaysia (2010) berdasarkan kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan juga menekankan beberapa aspek perkembangan awal yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak iaitu, perkembangan sosioemosi, kerohanian, fizikal, kognitif, sahsiah, persediaan ke sekolah rendah serta pendedahan kemahiran 4M (membaca, mengira, menulis, menaakul). Pendekatan pengajaran dan pembelajaran juga menekankan beberapa kaedah seperti hands-on learning, pembelajaran melalui bermain, inkuiri penemuan, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran luar bilik darjah, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran secara konstruktivisme dan pembelajaran masteri. Pendekatan yang digunakan perlu memberi peluang pembelajaran yang tidak terhad kepada murid dan mengambilkira kepelbagaian kecerdasan murid.

Kaedah Pengajaran Literasi Kanak-Kanak

Bagi tahap literasi, kajian ini memfokuskan kepada teori pemunculan literasi. Menurut Clay (1967) penampilan literasi membawa maksud proses kemahiran membaca dan menulis yang berlaku secara semulajadi dalam kalangan kanak-kanak sebelum mereka mendapat kemahiran literasi yang konvensional. Sulzby (1985) turut menyatakan perlakuan menulis dan membaca kanak-kanak yang mula timbul dan berkembang kepada kebolehan membaca dan menulis yang biasa. Tahap pembaca menurut teori ini terbahagi kepada tiga peringkat iaitu membaca baharu iaitu tahap penampilan pembaca di mana kanak-kanak melakukan perlakuan-perlakuan membaca.

Pembaca awal ialah kanak-kanak telah boleh membaca tetapi membaca dengan kuat, lambat dan berhati-hati memadankan apa yang dikatakan dengan perkataan di muka surat. Pembaca lancar pula ialah kanak-kanak yang boleh membaca dengan senyap dan bacaan mereka adalah spontan (Zainiah, 2005). Vygotsky dalam Roopnarine dan Johnson (2005) berpendapat, proses mental yang lebih tinggi berkembang apabila kanak-kanak membentuk pertuturan semasa melakukan aktiviti praktikal iaitu aktiviti konkrit dan abstrak.

Sebelum kanak-kanak bertutur, mereka menggunakan alat bagi menyempurnakan tugas tetapi setelah mereka bertutur mereka menggunakan bahasa dalam aktiviti. Tingkah laku mereka berubah melalui penggunaan bahasa dan aktiviti tersebut. Pada masa yang sama mereka

berupaya merancang dan menguasai persekitaran sekeliling mereka. Vygotsky menekankan permainan adalah pilihan kanak-kanak sendiri dan disokong oleh guru ataupun orang dewasa melalui perbincangan dan sesi soal jawab. Melalui konkrit, kanak-kanak belajar berkomunikasi, menyesuaikan diri dengan persekitaran, berinteraksi dengan rakan dan mengenali benda-benda di sekeliling mereka.

Berdasarkan teori Piaget pada peringkat praoperasional pada umur 2-7 tahun kemahiran bahasa kanak-kanak berkembang dengan cepat dan dapat diasah melalui pelbagai aktiviti. Menurut Sufean (2007), kanak-kanak yang berada di prasekolah mengikut teori perkembangan kognitif Piaget berada pada peringkat praoperasional dan konkrit operasi. Pada peringkat ini, proses pembelajaran tindakan secara mental terhadap sesuatu perkara ataupun objek berlaku. Semasa proses ini, kanak-kanak belajar bagaimana menggunakan perkataan dan gambaran untuk mewakili objek. Kanak-kanak prasekolah sebenarnya sudah memahami dengan baik tentang bahasa bertulis sebelum mereka belajar membaca dan menulis secara konvensional lagi (Berk, 2008).

Kemahiran ini seterusnya boleh diasah melalui pembelajaran menggunakan aktiviti bersesuaian dengan keperluan dan perkembangan mereka. Aktiviti konkrit dapat menarik minat kanak-kanak untuk terus belajar konsep literasi awal. Apabila kanak-kanak berminat untuk terus belajar, mereka memperoleh kemahiran baharu dan kemahiran ini dapat meningkatkan perkembangan kanak-kanak pada jangka masa panjang (Cristie & Roskos; Almon, 2004).

Aktiviti konkrit adalah penting dalam pengajaran dan pembelajaran terutamanya bahasa. Christie dan Roskos (2009) berpandangan terhadap hubungan aktiviti konkrit dengan persekitaran permainan dalam pemupukan kemahiran literasi. Bahan bacaan bertulis dalam ruang permainan misalnya gerai piza yang diletakkan papan tanda, menu dan nama pekerja dapat meningkatkan kemahiran literasi dengan berkesan.

Bukti juga menunjukkan persekitaran konkrit yang peuh dengan kemahiran literasi dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kanak-kanak tentang fungsi perkataan bertulis, keupayaan menggunakan strategi kefahaman seperti memastikan dan membetulkan sendiri perkataan bertulis yang dilihat. Kajian Williamson dan Silvern dalam Cristie dan Roskos (2009) melihat perkaitan naratif antara proses konkrit dengan perkembangan literasi mengesan bagaimana permainan fantasi bertema dapat meningkatkan kefahaman bacaan. Hasil kajian mendapati kanak-kanak yang banyak terlibat dengan aktiviti perbualan permainan meta (meta-play) semasa konkrit dapat memahami jalan cerita dengan lebih baik berbanding dengan kanak-kanak yang kurang terlibat aktiviti permainan.

Arce (2000) berpandangan konkrit benar-benar berlaku apabila kanak-kanak memilih sendiri aktiviti di persekitaran yang sesuai dan terdapat pilihan. Oleh itu, kanak-kanak seharusnya diberikan masa secukupnya untuk konkrit dan bagi memastikan mereka dapat menyerap apa yang mereka belajar, mereka seharusnya diberi kebebasan konkrit. Apabila kanak-kanak konkrit dengan bebas, mereka memilih sendiri apa, bagaimana, dengan siapa dan berapa lama mereka hendak melakukan permainan mengikut kemampuan mereka. Neuman dan Copple (2004) melihat hubungan konkrit dengan kemahiran literasi yang melibatkan simbol, struktur bunyi dan bahan bercetak.

Kemahiran bahasa dan literasi dapat dipupuk melalui permainan bunyi bahasa, simbol-simbol dan konsep bahan bercetak. Cristie dan Roskos (2009) juga berpendapat kebanyakan kanak-

kanak mampu mengenalpasti perkataan bertulis semasa mereka konkrit. Pengajaran dan pembelajaran bahasa melalui konkrit jelas dapat meningkatkan kemahiran bahasa dan literasi kanak-kanak. Persekitaran yang dimanipulasikan, permainan bertema, permainan fantasi dan aktiviti bebas adalah antara permainan bahasa yang berupaya meningkatkan perkembangan bahasa kanak-kanak. Walau bagaimanapun, semasa proses konkrit kanak-kanak perlu bersosial dan berinteraksi dengan individu lain seperti rakan sebaya atau orang dewasa seperti pengasuh, guru dan ibu bapa untuk konkrit. Tanpa rakan sebaya dan individu lain, kemahiran komunikasi kanak-kanak tidak akan berlaku, apatah lagi untuk berkembang dengan baik.

Kaedah Pengajaran Berasaskan Abstrak


Pemahaman dan penggunaan konsep abstrak - seperti idea atau kebebasan - adalah kemahiran yang asas kepada pendidikan dan dalam kebanyakan elemen kehidupan. Walaupun begitu, terdapat sedikit penyelidikan tentang bagaimana konsep abstrak yang dipelajari di prasekolah. Kaedah konvensional iaitu konsep asas abstrak adalah menumpu kepada pensel dan kertas sahaja. Latihan hanya bertumpu kepada latih tubi yang dilakukan berulang kali. Konsep abstrak kurang menggunakan gerakan seluruh anggota.

Kaedah Pengajaran Berasaskan Konkrit

Menurut Piaget, pada peringkat sensori motor (0 hingga 2 tahun), bayi belajar melalui interaksi dengan benda-benda di sekeliling dan keupayaan kognitif mula berkembang. Sebaik sahaja bayi bertatih, pergerakan mereka semakin aktif dan semasa konkrit, mereka menjadi lebih imaginatif. Melalui konkrit, iaitu benda-benda wujud, kanak-kanak yang baru bertatih mengasah kemahiran dan seterusnya dikembangkan melalui aktiviti yang lebih mencabar apabila meningkat dewasa.

Tokoh pendidikan awal kanak-kanak seperti Friedrich Froebel dan Maria Montessori yakin bahawa pengajaran konkrit adalah penting untuk kanak-kanak. Froebel yang pernah mengasaskan Kindergarten berpandangan, pengajaran konkrit adalah penting dalam pembelajaran secara tidak langsung (Downey & Garzoli, 2007). Maria Montessori yang membangunkan kurikulum berasaskan aktiviti konkrit percaya bahawa kanak-kanak perlu berinteraksi dengan benda-benda konkrit bagi meningkatkan perkembangan kognitif seterusnya membantu kanak-kanak dalam perkembangan pra literasi.

Kerangka Konseptual Kajian



Kerangka konsep ini menunjukkan aliran kepada prosedur dan proses yang dijalankan dalam kajian tindakan. Terdapat 2 amalan yang di lakukan iaitu amalan abstrak yang merupakan amalan secara konvensional. Amalan konkrit pula merupakan amalan atau latihan menggunakan huruf konkrit 3D. Hal ini bersesuaian dengan teori perkembangan kognitif (Piaget 1980) yang menyatakan bahawa tahap utama dalam perkembangan kognitif adalah perluasan penggunaan simbol ataupun kemampuan representasional, yang pertama kali muncul pada akhir tahap sensorimotor (Diane et al 2010). Perkembangan kognitif Piaget turut menunjukkan bahawa kanak-kanak di bawah usia 7 tahun lebih banyak berfikir konkrit dan belum dapat mengembangkan pemikiran abstrak seperti orang dewasa.

Dua amalan ini digunakan untuk mengenal huruf dan membunyikan suku kata yang akan melalui proses intervensi. Proses intervensi mengukuhkan pendapat teori neurosains yang melibatkan persekitaran sosial kanak-kanak dan fizikal yang merangkumi kaedah menggunakan huruf konkrit 3D. Berdasarkan teori neurosains, pembelajaran bagi kanak-kanak prasekolah adalah hasil dari interaksi antara pemikiran mereka dan pengalamannya dengan bahan-bahan, idea-idea serta refleksi kanak-kanak yang berkaitan dengan persekitaran mereka. Manakala Bredekamp & Rosegrant (1992) menjelaskan bahawa pendidikan yang diberikan kepada kanak-kanak hendaknya pendidikan yang sesuai dengan *Developmental Appropriate Practices (DAP)*.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan aspek perancangan yang penting dalam melaksanakan sesuatu kajian. Menurut Wiersma (2000), reka bentuk kajian merupakan satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan kepada perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang terlibat dalam sesuatu kajian. Kajian ini berbentuk kajian tindakan. Menurut McNiff (1988), kajian tindakan merupakan satu pendekatan untuk membaiki atau meningkatkan kualiti pendidikan melalui perubahan yang menggalakkan guru menjadi lebih sedar tentang amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan bersedia untuk mengubah amalan-amalan. Kajian ini telah menggunakan model kajian tindakan Johnson. Berdasarkan model kajian ini terdapat lima langkah utama dalam melaksanakan kajian tindakan ini, di mana kajian ini bermula dengan mengenal pasti masalah atau isu utama dalam kajian. Seterusnya adalah membuat perancangan mengenai tatacara pengutipan data dan melakukan pengutipan data di samping menganalisis data yang telah dikumpulkan. Setelah data siap dianalisis, maka rumusan atau penulisan laporan mengenai mula dilaksanakan dan perkongsian dapatan kajian turut dikongsi dengan pihak-pihak yang berkaitan dengan masalah atau isu utama dalam sesebuah kajian. Dalam kajian ini hanya menumpukan kepada kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak prasekolah dan dapatan ini perlu dikongsi secara bersama dengan pihak-pihak pengurusan prasekolah seperti guru supaya mereka dapat membantu kanak-kanak ini dengan menggunakan dapatan kajian sebagai rujukan mereka.

Populasi dan Sampel Kajian

Fink (1995) mendefinisikan 'populasi' sebagai satu 'universe' yang disampelkan. Populasi merujuk kepada keseluruhan orang yang terdapat dalam sesuatu tempat yang dikaji. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang merupakan proses mengambil sampel daripada mana-mana individu dalam populasi yang memenuhi kriteria peserta kajian. Populasi kajian ini adalah melibatkan seramai 7 orang kanak-kanak

Tadika Keluarga Harmoni dan Indah berumur 6 tahun. Semua kanak-kanak di dalam kajian ini adalah kanak-kanak normal dan boleh memahami Bahasa Melayu.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan adalah ujian, pemerhatian dan senarai semak. Ujian terbahagi kepada dua iaitu ujian awal dan ujian akhir mengenal dan menyebut huruf serta suku kata.

Proses Pelaksanaan Kajian

Jadual 3.2 Proses Perlaksanaan

Bil	Proses Perlaksanaan	Catatan
1.	<p>Proses Permulaan</p> <p>1. Kanak-kanak diuji kefahaman mengenal huruf dengan aktiviti mewarna kad huruf.</p> <p>2. Kanak-kanak akan dibimbing untuk mengenal huruf.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bunyi huruf
2.	<p>1. Setelah mengenalpasti kanak-kanak yang memerlukan latihan lebih, kanak-kanak didedahkan dengan huruf konkrit 3D.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bunyi huruf
3.	<p>Proses Intervensi</p> <p>1. Setelah kanak-kanak dapat menguasai ke semua huruf, kanak-kanak akan di minta untuk mencantumkan bunyi suku kata menggunakan huruf konkrit 3D.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bunyi suku kata • Huruf vokal • Huruf konsonan
4.	<p>Proses Akhir</p> <p>Guru akan menyebut perkataan dan kanak-kanak diminta untuk membentuk suku kata daripada huruf konkrit 3D.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Gabungan dua suku kata

Melalui pemerhatian di awal kajian, hasil tinjauan terhadap kanak-kanak memerlukan beberapa kaedah untuk memperbaiki kelemahan yang dikenalpasti. Dalam kaedah ini kaedah penggunaan huruf konkrit 3D digunakan untuk mengatasi masalah kanak-kanak lemah membaca. Tindakan dijalankan pada waktu Pengajaran dan Pembelajaran selama 6 bulan mengikut selang minggu.

Dapatan kajian

Ujian Pra Mengenal Huruf

Data bagi ujian awal dapat dilihat dengan jelas. Data yang dikumpul diproses dalam bentuk peratus (%). Formula dikira dengan jumlah abjad (26 huruf) dan didarab dengan 100 peratus (%).

Jadual 1: Peratus Ujian Pra Mengenal Huruf

Subjek Kajian	Jumlah Huruf	Ujian Pra
K 1	13	50%
K 2	12	46%
K 3	9	34%
K 4	11	42%
K 5	14	53%
K 6	10	38%
K 7	8	30%

Ujian Pra Membaca Suku Kata

Data bagi ujian awal dapat dilihat dengan jelas. Data yang dikumpul diproses dalam bentuk peratus (%). Formula dikira dengan jumlah suku kata dan didarab dengan 100 peratus (%).

Jadual 2: Peratus Ujian Pra Mengenal Suku Kata

Subjek Kajian	Jumlah Suku Kata	Ujian Pra
K 1	2	20%
K 2	5	50%
K 3	3	30%
K 4	2	20%
K 5	4	40%
K 6	1	10%
K 7	1	10%

Proses Intervensi

Intervensi yang diperkenalkan adalah dengan menggunakan huruf konkrit bagi meningkatkan keupayaan mengenal huruf seterusnya boleh membaca suku kata dengan gabungan huruf-huruf. Mengenal huruf adalah kemahiran asas dalam kemahiran membaca. Dua tahap intervensi secara urutan akan dilakukan terhadap kanak-kanak:

Intervensi Tahap Satu: Mengenal huruf

Intervensi Tahap Dua: Membentuk suku kata

Langkah-langkah intervensi:

Kanak-kanak diajar melalui langkah demi langkah. Guru menunjukkan huruf konsonan dan kemudian huruf vokal kepada kanak-kanak dan menyebut nama huruf dan diikuti oleh kanak-kanak. Proses ini berulang setiap minggu dan huruf yang dipilih adalah secara rawak.

ii. Setelah kanak-kanak mengenalpasti dan menyebut semua huruf dengan betul, guru akan membina suku kata. Latih tubi mengeja adalah perlu berdasarkan pendekatan pelbagai deria (multisensory).

Guru mengambil huruf konsonan dan menggabungkan dengan huruf vokal. Guru menyebut huruf dan suku kata. Kanak-kanak mengulangi menyebut huruf dan suku kata tersebut.

[b] + [a] = ba

[k] + [a] = ka

iv. Guru membunyikan huruf secara rawak dan meminta kanak-kanak mengambil huruf tersebut dan membunyikan huruf lain bagi membentuk suku kata. (Proses mengeja)

v. Setelah kanak-kanak sudah biasa dengan nama, bunyi, dan bentuk huruf, guru boleh teruskan dengan latih/tubi dua suku kata membentuk perkataan.

Ujian Akhir Mengenal Huruf

Data bagi ujian akhir dapat dilihat dengan jelas. Data yang dikumpul diproses dalam bentuk peratus (%). Formula dikira dengan jumlah abjad (26 huruf) dan didarab dengan 100 peratus (%). Ujian pos dibuat selepas intervensi dibuat selepas 6 bulan.

Subjek Kajian	Ujian Pos
K 1	88%
K 2	96%
K 3	73%
K 4	92%
K 5	100%
K 6	88%
K 7	73%

Ujian Akhir Membaca Suku Kata

Data bagi ujian akhir data dapat dilihat dengan jelas. Data yang dikumpul diproses dalam bentuk peratus (%). Formula dikira dengan jumlah suku kata dan didarab dengan 100 peratus (%). Ujian pos dibuat selepas intervensi dibuat selepas 6 bulan.

Subjek Kajian	Ujian Pos
K 1	100%
K 2	87%
K 3	100%
K 4	92%
K 5	75%
K 6	84%
K 7	69%

Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan dari kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa penggunaan teknik huruf konkrit dapat meningkatkan penguasaan kanak-kanak terhadap literasi kanak-kanak terutamanya pemahaman bacaan huruf dan suku kata. Hal ini dapat dikukuhkan dan dibuktikan lagi dengan perbandingan keputusan yang telah dijalankan iaitu melalui Ujian Pra dan Ujian Pos yang telah dijalankan dalam kalangan kanak-kanak tersebut. Pendekatan secara konkrit mengukuhkan lagi kemahiran bahasa (Aliza & Zamri, 2014). Kaedah pengajaran berasaskan konkrit ini juga dapat membantu kanak-kanak dalam meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi. Ini disebabkan apabila kanak-kanak merasa kurang dengan komponen mendengar dan bercakap dalam seharian akan menjadikan mereka menggunakan kemahiran berfikir dengan lebih baik.

Pencapaian kanak-kanak dalam kedua-dua ujian telah dilaksanakan mendapat keputusan yang baik dan memuaskan. Di samping itu, hasil dapatan kajian bukan sahaja menunjukkan bahawa kaedah atau cara ini telah membantu para kanak-kanak meningkatkan kefahaman, tetapi juga membina keyakinan diri terhadap sesuatu yang telah dipelajari oleh kanak-kanak serta menjadikan suasana pengajaran dan pembelajaran lebih ceria dan bersemangat. Tambahan pula, para kanak-kanak juga memberi respons yang memuaskan kepada guru dan secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan guru.

Hasil kajian juga mendapati bahawa teknik huruf konkrit ini dapat membantu murid-murid memahami apa yang dibaca oleh mereka dan sekaligus dapat menambah perbendaharaan kata mereka. Penambahan perbendaharaan kata amat penting terutama ketika melibatkan aktiviti pembacaan. Kaedah latih tubi yang melibatkan bacaan juga dapat membantu murid-murid menguasai kemahiran membaca dan ini sekali gus dapat membantu murid-murid dalam kelancaran ketika membaca. Murid-murid ini juga percaya bahawa penguasaan kemahiran membaca yang baik dapat menjadikan aktiviti membaca di dalam kelas sebagai suatu aktiviti yang amat menarik jika dikendalikan dengan betul.

Kesimpulan

Kajian ini berjaya dijalankan bagi mencadangkan suatu kaedah yang dapat digunakan dalam menangani kanak-kanak prasekolah yang mengalami masalah dalam kemahiran praliterasi. Kaedah ini dapat digunakan bukan hanya di Tadika KeluargaHarmoni dan Indah sahaja, namun juga di pelbagai Tadika yang lain. Peranan sekolah dalam menyediakan bahan bantu mengajar sangat diperlukan bagi meningkatkan pelaksanaan kaedah ini di prasekolah.

Rujukan

- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Abu Zarin. (2008). Keupayaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid sekolah rendah kebangsaan luar bandar. Kertas kerja di Konvensyen Pendidikan Nasional 2008. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2 – 4 Jun 2008.
- Alison Clarke-Steward, K. (2000). “A Home is Not A School: The Effects of Child Care on Children’s Development”, 1(1), 16-25.
- Aliza Ali and Zamri Mahamod (2015). Development of Play-Based Instruction Module for Teaching Preschoolers’ Language Skills. Australian Journal of Basic and Applied Sciences.
- Awang Had Salleh. (1980). Pendidikan ke Arah Perpaduan: Sebuah perspektif sejarah. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Berk, R. A. (2008). Humor and the net generation. *Thriving in Academe*, 25(4), 5–8.

- Clay, M. M. (1967). Emergent reading behavior. Unpublished doctoral dissertation, University of Auckland, New Zealand.
- Downey, J. & Garzoli, E. (2007). The effectiveness of playbased curriculum in early childhood education. Sonoma State University.
- Fink A (1995a) *The Survey Kit. Vol 5. How to Design Surveys.* Sage Publications, Thousand Oaks, CA
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Dokumen Standard Kurikulum Prasekolah.* Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- McNiff (1988) *Action Research: Principles and Action.* Macmillan Education: Basingstoke, U.K.
- Mohd Salleh Lebar, (1998). *Pengenalan Ringkas: Sosiologi Sekolah dan Pendidikan.* Cetakan Pertama. Thinker's Library Sdn Bhd. 22-46
- Neuman, S., Copple, C., & Bredekamp, S. (2004). *Learning to read and write: Developmentally appropriate practices for young children.* Washington, DC: National Association for the Education of Young Children.
- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, 2006.
- Roskos K, Christie J. Play in the context of the new preschool basics. In: Roskos K, Christie J, eds. *Play and Literacy in Early Childhood: Research from Multiple Perspectives,* 2nd ed. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates Publishers; 2007:83-100.
- Sufean Hussin. (2007). Revitalizing the use of policy cycle in the governance and management of the education system. In Sufean Hussin et al. (Eds.), *The whirlwind in educational management and policy* (pp.19-33). Kuala Lumpur: UM Publications
- Sulzby, E., & Teale, W. (1991). Emergent literacy. In R. Barr, M. Kamil, P. Mosenthal & P. D. Pearson (Eds.), *Handbook of reading research, Vol. 2* (pp. 727-758). New York: Longman.
- Wiersma, W. 2000. *Research methods in education: An introduction.* 7th ed. Boston: Allyn & Bacon.
- Zainiah Mohamed Isa (2005). Peranan Ibu Bapa Dan Guru Dalam Mempertingkatkan Tahap Bacaan Kanak-Kanak Prasekolah. Seminar Kebangsaan Pendidikan Awal Kanak-Kanak: "Pendidikan Awal Kanak-Kanak Dalam Diversiti Sosial", Universiti Malaya.